

KUALA LUMPUR, 22 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATKAN PARA PENGELUAR DAN PENGEKSPORT SUPAYA MEMBERIKAN PERHATIAN MENDALAM KEPADA MUTU BARANG-BARANG UNTUK MENJAGA IMEJ MALAYSIA DI LUAR NEGERI SEBAGAI SEBUAH NEGARA PENGEKSPORT BARANG-BARANG BERMUTU.

KATANYA, JIKA AMALAN TIDAK MEMPERHITUNGGAN MUTU BARANG-BARANG YANG DIEKSPORT BERTERUSAN, NEGARA AKAN MENGALAMI KERUGIAN BESAR DAN BOLEH MENJEJASKAN PERDAGANGAN EKSPORT MALAYSIA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PERSATUAN PENGEKSPORT MELAYU MALAYSIA (MAME) DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI HARI INI.

KATANYA DALAM BIDANG PERNIAGAAN EKSPORT, KAWALAN DAN PENJAGAAN MUTU BARANG-BARANG KELUARAN ADALAH MERUPAKAN PERKARA PENTING UNTUK MENGORAK LANGKAH MAJU.

OLEH ITU, PARA PENGEKSPORT PERLU MENGAMBIL PERHATIAN DAN DAYAUSAHA UNTUK MEMASTIKAN BARANG-BARANG EKSPORT MEREKA BERMUTU WALAUPUN TERPAKSA MENANGGUNG KOS PENGELUARAN YANG TINGGI DAN MEMPEROLEHI SEDIKIT UNTUNG, JELASNYA. — BERSAMBUNG 1310/LK

B530:

MAHATHIR-EKSPORT 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERHARAP PERSATUAN PENGEKSPORT MELAYU MALAYSIA YANG BARU DITUBUHKAN ITU MENGAMBIL DAYAUSAHA UNTUK MEMASTIKAN AHLI-AHLINYA MENGENAKAN KAWALAN MUTU KE ATAS BARANG-BARANG EKSPORT MEREKA.

LANGKAH ITU BERTUJUAN MEMASTIKAN MALAYSIA AKAN TERKENAL SEBAGAI SEBUAH NEGARA PENGEKSPORT BARANG-BARANG BERMUTU.

BELIAU BERPENDAPAT ADALAH SALAH JIKA DIPERKATAKAN SETIAP BARANG YANG MURAH, KUALITI BARANG TERSEBUT PASTI TURUN.

BELIAU JUGA MENARIK PERHATIAN MEREKA MENGENAI KEGIATAN AKTIF PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA DI KEBELAKANGAN INI YANG MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN PENGGUNA UNTUK MENDAPATKAN BARANG-BARANG BERMUTU.

PERSATUAN PENGGUNA BERJUANG AGAR PARA PENGGUNA TIDAK DITIPU APABILA MENGGUNA BARANG-BARANG TEMPATAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MERASA KURANG SENANG DENGAN MUTU BARANG-BARANG KELUARAN ORANG MELAYU, KERANA KEADAAN DEMIKIAN BOLEH MENJEJASKAN IMEJ NEGARA. — BERSAMBUNG 1313/LK

DALAM PENGELUARAN SOS MISALNYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR ORANG-ORANG MELAYU KURANG MEMBERI PERHATIAN KEPADA KEBERSIHAN BOTOL DAN TEKNIK LABEL YANG MENARIK.

KATANYA, +SAYA DAPATI BOTOL-BOTOL INI DI PENUHI DENGAN SERDAK-SERDAK DAN HABUK DAN KERTAS TANDA PERNIAGAAN YANG TIDAK BERMUTU+.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MENCADANGKAN PERSATUAN ITU SECARA SARELA MENUBUHKAN SATU PANEL BAGI MENGAWASI DAN MEMPERAKUKAN MANA-MANA BARANG YANG BOLEH DIEKSPORT DAN TIDAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SERINGGA INI MALAYSIA BELUM LAGI DIKENALI SEBAGAI SEBUAH NEGARA PENGELUAR BARANG-BARANG BERMUTU, MALAH DI SEBERANG LAUT, KEBANYAKAN PARA PENGIMPORT TIDAK MENGENALI MALAYSIA WALAU PUN BARANG YANG MEREKA IMPORT ITU BERASAL DARI NEGARA INI.

BELIAU BERPENDAPAT MALAYSIA PERLU MENCONTOHI JEPUN DALAM MENGENAKAN KAWALAN MUTU YANG TINGGI BAGI SETIAP BARANG YANG DIEKSPORT.

JEPUN HARI INI TERKENAL DISELURUH DUNIA SEBAGAI NEGARA YANG MENGELUAR BARANG-BARANG BERMUTU KERANA MEREKA HANYA MENGEKSPORT BARANG-BARANG BERMUTU MANAKALA BARANG-BARANG YANG KURANG BERMUTU DIJUAL DALAM NEGERI SAHAJA. — BERSAMBUNG 1317/LK

MAHATHIR-EKSPORT 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENINGATKAN PARA PENGEKSPORT MELAYU SUPAYA BERANI MENGHADAPI CABARAN KERANA BIDANG EKSPORT INI MEMERLUKAN TAHAP KEPINTARAN DAN KECEKAPAN YANG TINGGI.

+MALAH DALAM APA BIDANG SEKALIPUN SAMAADA DALAM BIDANG PENGANGKUTAN LORI DAN PERFILEMAN, PENGUSAHA HARUS MENGHADAPI CABARAN DAN MASALAH+, KATANYA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN MEREKA KEPADA PEPATAH +YANG BULAT TIDAK DATANG MENGGOLEK DAN YANG PIPIS TIDAK PULA DATANG MELAYANG.+

BELIAU MEMBERI JAMINAN KERAJAAN SENTIASA AKAN MEMBERI BANTUAN DAN PERTOLONGAN DENGAN MENYEDIAKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT DAN DATA PERDAGANGAN LUAR NEGERI BAGI MEMASTIKAN MEREKA BERJAYA DALAM BIDANG YANG MENCABAR ITU. — BERNAMA 1319/LK